

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Jumaat, 1 Disember 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA (IKRM) 2022

**Kesejahteraan Rakyat Malaysia meningkat 2.5 peratus pada 2022
disumbangkan oleh pertumbuhan positif kesejahteraan ekonomi dan sosial**

PUTRAJAYA, 1 DISEMBER 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM), 2022**. Mulai 2023, buat julung kalinya, IKRM diterbitkan sehingga peringkat negeri merangkumi 13 negeri dan satu wilayah persekutuan. Penerbitan ini mengintegrasikan dua subkomposit kesejahteraan iaitu kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial bagi mengukur tahap kesejahteraan rakyat Malaysia. Kesejahteraan ekonomi terdiri daripada lima komponen iaitu pengangkutan, komunikasi, pendidikan, pendapatan dan pengagihan dan persekitaran kerja. Kesejahteraan sosial pula meliputi sembilan komponen iaitu perumahan, hiburan dan rekreasi, keselamatan awam, penyertaan sosial, tadbir urus, kebudayaan, kesihatan, alam sekitar dan keluarga.

IKRM 2022 peringkat nasional merangkumi 14 komponen dan 70 indikator iaitu 25 indikator ekonomi dan 45 indikator sosial. Selaras dengan keperluan semasa dan ketersediaan indikator yang relevan, beberapa indikator baharu telah ditambah iaitu indikator berkaitan komponen kebudayaan dan kesihatan termasuk kadar tahap kesihatan mental, liputan pelalian *difteria*, *tetanus* dan *pertusis* bagi bayi dan liputan pelalian MMR (*Mump*, *Measles* dan *Rubella*) untuk kanak-kanak berumur 1 hingga kurang 2 tahun.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Kesejahteraan rakyat Malaysia pada 2022 berada dalam fasa endemik dan pemulihan COVID-19. Peralihan negara ke fasa endemik yang bermula April 2022 dengan pembukaan semula ekonomi secara berperingkat dan ini telah memberi impak positif kepada kedua-dua subkomposit. Prestasi IKRM pada 2022 meningkat 2.5 peratus kepada 121.2 mata berbanding 118.3 mata pada 2021. Kedua-dua subkomposit menunjukkan peningkatan pada 2022. Subkomposit kesejahteraan ekonomi merekodkan peningkatan 3.6 peratus pada 2022 kepada 130.0 mata berbanding 125.5 mata pada 2021 dan subkomposit kesejahteraan sosial pula meningkat 1.8 peratus kepada 116.4 mata berbanding 114.3 mata pada tempoh yang sama".

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata, "Pertumbuhan positif kesejahteraan rakyat Malaysia disumbangkan oleh peningkatan 11 daripada 14 komponen ekonomi dan sosial pada 2022. Tiga komponen tertinggi yang menyumbang kepada peningkatan IKRM adalah hiburan dan rekreasi (20.8%), pengangkutan (8.0%) dan kebudayaan (6.5%).

Berdasarkan penemuan indeks subkomposit kesejahteraan ekonomi, kesemua lima komponen mencatatkan pertumbuhan positif pada 2022 iaitu pengangkutan (8.0%), pendapatan dan pengagihan (5.0%), pendidikan (4.1%), komunikasi (0.5%) dan persekitaran kerja (0.4%). Dapatan indeks subkomposit kesejahteraan sosial pula, enam daripada sembilan komponen merekodkan pertumbuhan positif disumbangkan oleh hiburan dan rekreasi (20.8%), kebudayaan (6.5%), alam sekitar (3.4%), perumahan (1.6%), kesihatan (1.3%) dan keluarga (0.8%). Komponen hiburan dan rekreasi meningkat dengan ketara berikutan fasa peralihan endemik yang berkuat kuasa dari April 2022 di mana aktiviti pelancongan, hiburan dan rekreasi kembali rancak seperti keadaan sebelum pandemik".

Pada masa sama, tiga komponen IKRM menunjukkan penurunan iaitu keselamatan awam, tadbir urus dan penyertaan sosial. Indeks Keselamatan Awam merosot 9.4 peratus kepada 126.1 mata pada 2022 berbanding 139.2 mata pada 2021. Penurunan ini disebabkan oleh peningkatan bilangan kemalangan jalan raya berikutan pembukaan semula sempadan serta aktiviti ekonomi. Ini diikuti dengan komponen tadbir urus menurun 2.3 peratus kepada 120.8 mata pada 2022 berbanding 123.7 mata pada 2021 terutamanya disebabkan oleh penurunan peratusan kes

rasuah didakwa, peratus pengguna e-filing dan peratus kes yang diselesaikan oleh Biro Pengaduan Awam. Komponen penyertaan sosial juga merekodkan penyusutan 0.08 peratus kepada 130.2 mata pada 2022 berbanding 130.3 mata pada 2021 susulan daripada penurunan keahlian RELA dan bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar.

Prestasi Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri (IKRN)

Indeks Kesejahteraan Rakyat Negeri (IKRN) mengambil kira 14 komponen dan 63 indikator merangkumi 24 indikator ekonomi dan 39 indikator sosial. Secara keseluruhan, prestasi IKRN bagi kesemua negeri mencatatkan kenaikan mata indeks pada 2022. Tiga negeri yang mencatatkan mata indeks tertinggi ialah Perlis dengan 2.9 mata indeks kepada 115.2 mata pada 2022 berbanding 112.3 mata pada 2021, diikuti Sarawak 2.8 mata indeks kepada 119.5 mata pada 2022 berbanding 116.7 mata pada 2021 dan Perak 2.4 mata indeks kepada 118.5 mata berbanding 116.1 mata pada tempoh sama.

Dari segi subkomposit ekonomi, kesemua negeri merekodkan peningkatan mata indeks. Tiga negeri yang mencatatkan mata indeks tertinggi adalah Perlis dengan kenaikan 7.6 mata indeks kepada 123.5 mata pada 2022. Ini diikuti Sabah dan Perak masing-masing meningkat 5.0 mata indeks dan 4.0 mata indeks kepada 128.2 dan 128.9 mata pada tempoh yang sama. Ini didorong oleh pertumbuhan positif dalam komponen pendapatan dan pengagihan; pengangkutan dan pendidikan.

Dari perspektif subkomposit sosial, didapati 10 daripada 14 negeri menunjukkan peningkatan mata indeks. Tiga negeri yang mencatatkan mata indeks tertinggi adalah Sarawak dengan 2.0 mata indeks kepada 112.2 mata pada 2022, diikuti Wilayah Persekutuan meningkat 2.0 mata indeks kepada 111.1 mata. Seterusnya, Perak 1.2 mata indeks kepada 112.8 mata pada 2022. Penyumbang utama kepada kenaikan mata indeks di tiga negeri ini adalah komponen hiburan dan rekreasi dan komponen kebudayaan.

Ketersediaan statistik di peringkat nasional dan negeri memberi manfaat kepada kerajaan dalam menambahbaik dasar dan program serta keperluan sosioekonomi

rakyat. Statistik IKRM ini amat diperlukan dalam mengurus perdana pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan menitikberatkan kesejahteraan rakyat.


Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2022 boleh dimuat turun secara percuma di portal Jabatan Perangkaan Malaysia www.dosm.gov.my.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Carta 1: Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2000-2022




Carta 2: Indeks Subkomposit Kesejahteraan Ekonomi mengikut Komponen, 2021 dan 2022



Carta 3: Indeks Subkomposit Kesejahteraan Sosial mengikut Komponen, 2021 dan 2022



Paparan 1: Indeks Kesejahteraan Rakyat mengikut Negeri, 2021 dan 2022



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
1 DISEMBER 2023

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 1 December 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
MALAYSIAN WELL-BEING INDEX (MyWI) 2022

Malaysian well-being increased 2.5 per cent in 2022 contributed by positive growth of economic and social well-being

PUTRAJAYA, 1 DECEMBER 2023 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) released **Malaysian Well-Being Index Report (MyWI), 2022**. Starting 2023, for the first time, MyWI is published at the state level comprises 13 states and one Federal Territories. This publication integrates two well-being sub-composites, namely economic well-being and social well-being to measure the level of Malaysian well-being. Economic well-being consists of five components namely transportation, communications, education, income and distribution and working life. Social well-being comprises nine components, namely housing, entertainment and recreation, public safety, social participation, governance, culture, health, environment and family.

IKRM 2022 at the national level comprises 14 components and 70 indicators which is 25 economic indicators and 45 social indicators. In line with current needs as well as availability of relevant indicators, several new indicators have been added, which are indicators related to culture and health component which include the level of mental health rate, immunisation coverage of infants for diphtheria, tetanus and pertussis and

immunisation coverage MMR (Mumps, Measles and Rubella) for children aged 1 to less than 2 years.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysian Well-being in 2022 represents the endemic and recovering phases of the COVID-19. Malaysia moved into the endemic phase starting April 2022 with the reopening of economy in stages and this has positive impact to both sub-composites. Performance of MyWI in 2022 increased 2.5 per cent to 121.2 points as compared to 118.3 points in 2021. Both sub-composites increased in 2022. The economic well-being sub-composite recorded an increase of 3.6 per cent in 2022 to 130.0 points as compared to 125.5 points in 2021 and the social well-being sub-composite increased by 1.8 per cent to 116.4 points as compared to 114.3 in the same period".

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said, "The positive growth in the Malaysian Well-being Index was contributed by the increase of 11 out of 14 economic and social components in 2022. Three highest components that contributed to the increase in MyWI were entertainment and recreation (20.8%), transportation (8.0%) and culture (6.5%).

Based on the findings of the sub-composite index of economic well-being index, all five components posted positive growth in 2022, namely transportation (8.0%), income and distribution (5.0%), education (4.1%), communications (0.5%) and working life (0.4%). The findings of the sub-composite index of social well-being showed that six from nine components registered positive growth contributed by entertainment and recreation (20.8%), culture (6.5%), environment (3.4%), housing (1.6%), health (1.3%) and family (0.8%). The entertainment and recreation component increased significantly due to the endemic transition phase effective from April 2022 where tourism, entertainment and recreation activities have resumed as they were prior the pandemic".

At the same time, the three components of MyWI showed a decline, namely public safety governance and social participation. Public Safety Index decreased by 9.4 per cent to 126.1 points in 2022 as compared to 139.2 points in 2021. The decline is attributed to the increase in the number of road accident in tandem with reopening of borders as well as economic activities. This was followed by 2.3 per cent decrease in the governance

component to 120.8 points in 2022 as compared to 123.7 points in 2021 mainly due to the decrease in the percentage of corruption cases prosecuted, the percentage of e-filing users and the percentage of cases solved by Public Complaints Bureau. The social participation component also recorded a decrease of 0.08 per cent to 130.2 points in 2022 as compared to 130.3 points in 2021 following the decline in membership of RELA and the number of registered non-profit organisations.

State Well-Being Index (SWI) Performance

The State Well-being Index (SWI) takes into account 14 components and 63 indicators including 24 economic indicators and 39 social indicators. Overall, the SWI performance for all states recorded an increase in the index points in 2022. The three states that recorded the highest index points were Perlis with 2.9 index points to 115.2 points in 2022 as compared to 112.3 points in 2021, followed by Sarawak 2.8 index points to 119.5 points in 2022 as compared to 116.7 points in 2021 and Perak 2.4 index points to 118.5 points as compared to 116.1 points in the same period.

In terms of the economic sub-composite, all states recorded an increase in index points. The three states that recorded the highest index points in the economic sub-composite were Perlis with an increase of 7.6 index points to 123.5 points in 2022. This was followed by Sabah and Perak, which increased by 5.0 index points and 4.0 index points to 128.2 and 128.9 points respectively in the same period. This was driven by positive growth in the income and distribution components; transportation and education.

From the perspective of the social sub-composite, it was found that 10 out of 14 states showed an increase in index points. The three states that recorded the highest index points in this sub-composite were Sarawak with 2.0 index points to 112.2 points in 2022, followed by Federal Territories increased 2.0 index points to 111.1 points. Next, Perak 1.2 index points to 112.8 points in 2022. The main contributors to the increase in index points in this three states are the entertainment and recreation and the culture components.

The availability of statistics at the national and state levels benefits the governments in improving policies and programmes as well as the socioeconomic needs of the people.

The MyWI statistics are essential in mainstreaming the sustainable economic growth by emphasizing the rakyat's well-being.

Malaysian Well-Being Index Report, 2022 can be downloaded for free on the Department of Statistics, Malaysia portal www.dosm.gov.my.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data and can be accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development".

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Malaysian Well-being Index, 2000-2022




Chart 2: Economic Well-being Sub-Composite Index by Component, 2021 and 2022




Chart 3: Social Well-being Sub-Composite Index by Component, 2021 and 2022





Exhibit 1: Rakyat's Well-Being Index by State, 2021 and 2022



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

1 DECEMBER 2023